

SOALAN NO: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]**

TARIKH : 8 APRIL 2014

SOALAN :

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada dia berhasrat untuk mengurangkan saiz Kabinet sebagai langkah penjimatan Kerajaan. Jika tidak , mengapa.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan rombakan terhadap barisan kepimpinan Jemaah Menteri pada ketika ini kerana Kerajaan merasakan pasukan yang sedia ada pada masa kini adalah sesuai dan berkecukupan dalam memacu Malaysia menuju negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Sekian. Terima kasih.